

Pengetahuan Pedagogi Guru dan amalan empati Sejarah dalam kalangan pelajar sekolah menengah

Pedagogy knowledge of teachers and the curriculum to cultivate the practice of empathy in teaching History subject to secondary school students

Aidah Edin
¹Mohd Mahzan Awang
Abdul Razaq Ahmad
Santhi Pillai

Program Pendidikan Sejarah
Fakulti Pendidikan
Universiti kebangsaan Malaysia

Correspondence: ¹mahzan@ukm.edu.my

ABSTRAK

Penyelidikan berkaitan pedagogi guru sejarah adalah disarankan bagi meningkatkan keberkesanan dalam pengajaran. Justeru, kajian dalam aspek pengetahuan isi kandungan dapat memupuk amalan empati dalam diri pelajar sekolah menengah. Dalam hal ini, penerapan empati sejarah menggunakan bukti sejarah dapat membina perspektif masa lalu untuk menimbulkan pemikiran kritis dalam diri pelajar. Objektif kajian ialah menentukan tahap kompetensi guru daripada aspek pengetahuan isi kandungan Sejarah, menilai pengetahuan pedagogi guru sejarah dalam aspek pengetahuan isi kandungan Sejarah dan penerapan amalan empati sejarah dalam diri pelajar sekolah menengah. Kajian ini menggunakan rekabentuk kuantitatif dengan kaedah tinjauan yang melibatkan 90 orang guru Sejarah dari sekolah-sekolah menengah di negeri Sabah dan seramai 1000 orang pelajar tingkatan 4 dengan teknik persampelan rawak mudah. Instrumen soal selidik digunakan dalam proses pengumpulan data. Implikasi kajian ini dapat memaklumkan kepada guru Sejarah dan pihak berkenaan tentang tahap kompetensi pengetahuan guru-guru Sejarah dalam melaksanakan nilai empati Sejarah di bilik darjah. Cadangan daripada hasil kajian ini bahawa guru Sejarah perlu meningkatkan kompetensi pengetahuan pedagogi bagi memahami dan menguasai pelbagai kemahiran mengajar pembelajaran abad 21 seperti pendekatan masteri. Selain itu, pengetahuan guru dalam melaksanakan aktiviti berfikir dapat menyumbang kepada perubahan pendekatan serta kaedah pengajaran guru dalam bilik darjah berdasarkan aspek kurikulum, pedagogi dan juga pentaksiran. Oleh itu, guru perlu bersedia untuk menguasai ilmu pembelajaran abad ke-21 dengan suasana norma baharu.

Kata Kunci: *pedagogi, norma, empati, perspektif, kuantitatif*

ABSTRACT

Research related to the pedagogy of history teachers is recommended to increase the effectiveness in teaching. Thus, research in the aspect of content knowledge can foster the practice of empathy in secondary school students. The application of History using evidences in the history subject to reconstruct old prepositions to evoke critical thinking among students. The objective of the study is to determine the level of teacher competence from the aspect of History content knowledge, evaluate the pedagogical knowledge of history teachers in the aspect of History content knowledge and the application of historical empathy practice in secondary school students. This study uses a quantitative design with a survey method involving 90 History teachers from secondary schools in the state of Sabah and a total of 1000 Form 4 students with a simple random sampling technique. Questionnaire instruments were used in the data collection process. The suggestions from the results of this study where History teachers need to improve pedagogical knowledge competencies to understand and master various 21st century learning teaching skills such as mastery approach. In addition, teachers' knowledge in implementing thinking activities can contribute to changes in approaches and teaching methods of teachers in the classroom based on aspects of curriculum, pedagogy and assessment. Teachers must be prepared to master knowledge in 21st century learning for the teaching and learning of the new norm classroom atmosphere.

Keywords: *pedagogy, norm, empathy, determine, quantitative*

1. Pengenalan

Pendidikan di Malaysia juga menekankan empati Sejarah dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah apabila pada tahun 1989 ianya dijadikan sebahagian daripada elemen dalam kemahiran pemikiran sejarah dan pemahaman sejarah. Tujuan untuk membolehkan murid mengambil iktibar daripada pengalaman lampau, mempertingkatkan daya pemikiran dan kematangan serta membekalkan murid dengan kemahiran menganalisis, merumus dan menilai fakta-fakta sejarah tempatan dan global secara lebih rasional (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000, 2003; Wan Mohd. Zahid Mohd. Nordin, 1991). Oleh itu KPS membolehkan murid mendapat pengetahuan daripada kajian masa lalu yang membantu membuat keputusan lebih baik pada masa hadapan (Paul & Elder, 2006). Dengan adanya KPS, contohnya seseorang itu dapat mengakui bahawa Sejarah jatuh bangunnya sesebuah kerajaan, berempati dengan masa lalu dan penduduknya serta mengupas punca kejadian berdasarkan sebab musabab. Justeru, mata pelajaran Sejarah dapat merangsang pemikiran sejarah melalui kemahiran pemikiran kritikal dan analitikal (Sokolov, 2015).

Sehubungan itu, kompetensi guru dalam aspek pengajaran dan pembelajaran adalah penting kerana guru yang tidak bersedia dalam pengajaran menyebabkan pembelajaran kurang berkesan (Mohd Tahir, 2011). Bakhtiar, 2016 juga berpendapat bahawa pengetahuan pedagogi penting bagi setiap guru terutamanya dalam pengajaran Sejarah terutama pedagogi abad ke-21 kerana ianya mempengaruhi keberkesanan sesuatu pengajaran. Dalam konteks ini, kompetensi merujuk kepada pengetahuan guru tentang teknik dan pendekatan pedagogi yang perlu dimiliki oleh guru Sejarah dalam mengamalkan P&P abad ke-21. Maka, keberkesanan P&P Sejarah bergantung kepada bagaimana kompetensi berfikir, pedagogi dan kebijaksanaan untuk

merangsang tingkah laku pelajar terhadap cerita-cerita Sejarah lampau (Endacott & Brooks, 2013).

Objektif dalam kajian ialah menentukan tahap pengetahuan guru terutama dalam aspek pengetahuan isi kandungan sejarah, pengetahuan pedagogi dan pengetahuan kurikulum. Selain mengenal pasti hubungan pengetahuan guru dengan amalan empati Sejarah dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

2. Metodologi dan Kawasan Kajian

2.1 *Reka bentuk kajian*

Reka bentuk kajian ialah menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan yang menggunakan dua set soal selidik iaitu Skala Kompetensi Guru dan Skala Empati. Soal selidik yang dijana semula setelah mendapat pengesahan daripada pakar kemudian dengan menggunakan 'google form' akan diedarkan kepada semua responden. Seterusnya, pengumpulan dan analisis Data dalam kajian ini yang dijana melalui aplikasi "google form" akan dikemukakan secara automatik kepada penyelidik dan dapatan tersebut akan dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package For Social Sciences (SPSS). Seterusnya, kajian ini juga menggunakan data kualitatif yang bertujuan untuk melengkapkan dapatan daripada data yang diperoleh melalui kaedah kuantitatif. Populasi adalah terdiri daripada golongan pelajar dan juga kalangan guru yang mengajar mata pelajaran Sejarah. Dalam kalangan pelajar yang dipilih ialah pelajar tingkatan empat yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah.

2.2 *Tatacara pengumpulan data*

Tatacara pengumpulan data di mana penyelidik perlu untuk membuat permohonan kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi melaksanakan kajian di sekolah-sekolah yang terlibat di Sabah. Kemudian, setelah menerima surat kebenaran daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pelajaran Negeri Sabah, penyelidik akan memulakan kajian dengan menemui pihak pengurusan sekolah di negeri Sabah. Seterusnya, penyelidik menjelaskan tujuan kajian kepada pihak pentadbiran sekolah dan ketua panitia dan guru sejarah. Ketika memberikan penjelasan tersebut, penyelidik berharap golongan yang ditemui ini dapat menjawab soalan soal selidik yang diberikan dengan ikhlas.

Proses pengumpulan data yang melibatkan soal selidik dijangka akan dijalankan selama lima Bulan. Pentadbiran soal selidik akan dilakukan sendiri oleh penyelidik dengan bantuan Ketua Panitia sekolah yang dipilih. Dengan wujudnya kerjasama di antara penyelidik dengan Ketua Panitia ini bertujuan agar pengurusan borang soal selidik mencukupi dan mengelakkan daripada pelbagai masalah yang timbul terutamanya berkaitan soal selidik.

2.3 *Tatacara analisis data*

Proses penganalisan data melibatkan dua jenis statistik iaitu statistik deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif merujuk kepada pemerihalhan sesuatu peristiwa dengan menyediakan data kajian dalam bentuk teknik pengukuran yang mudah. Manakala statistik berbentuk inferensi

ialah bersifat rumusan kepada populasi kajian (descriptive and inferential). Untuk melaksanakan analisis ini, memasukkan data penyelidikan dibuat dengan menggunakan The Statistical Package for the Social Sciences (SPSS versi 22).

2.4 Kawasan kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih Malaysia Timur iaitu negeri Sabah sebagai tempat kajian kerana keluasan negeri Sabah meliputi 73,631 kilometer persegi yang merupakan negeri kedua terbesar di Malaysia. Negeri Sabah terbahagi kepada 5 bahagian iaitu Bahagian Pedalaman, Bahagian Pantai Barat, Bahagian Kudat, Bahagian Sandakan dan Bahagian Tawau. Pemilihan kawasan Malaysia Timur kerana semua sekolah mempunyai data yang mampu untuk menjawab persoalan kajian dan tujuan kajian dijalankan.

3. Hasil Kajian dan Perbincangan

3.1 Latar Belakang Pendidikan Di Malaysia

Dalam Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM), guru-guru sejarah di sekolah menengah telah dibekalkan dengan sebuah buku pedagogi iaitu Buku Sumber Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah Sekolah Menengah Atas KBSM yang disediakan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (Ahmad Rahim, 2012). Sebagai lanjutan daripada itu, buku ini telah dijadikan sebagai rujukan kepada guru-guru sejarah untuk melaksanakan pedagogi dan kemahiran yang sesuai diaplikasikan dalam bilik darjah. Walau bagaimanapun, pada tahun 2000, semakan terhadap kurikulum telah dijalankan agar sesuai dengan pendidikan abad- 21. Lanjutan daripada itu, perubahan dalam kurikulum memberikan penekanan kepada aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai (empati) yang perlu dilaksanakan oleh guru-guru sejarah.

Pada hakikatnya, elemen kesepaduan ini bergerak serentak sama ada di peringkat menengah rendah dan menengah atas (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000). Pendek kata, perubahan dalam organisasi kurikulum sejarah sebenarnya bertujuan memastikan guru dan pelajar bukan sahaja memperoleh pengetahuan sejarah malah turut memperoleh aspek kemahiran pemikiran sejarah dan penerapan nilai empati di dalam pengajaran dan pembelajaran. Hal ini bersesuaian dengan kemahiran, pengetahuan dan nilai yang diperlukan dalam abad-21 (Sukatan Pelajaran sejarah, 2001). Keadaan ini bukan sahaja berlaku di Malaysia malahan turut juga berlaku di negara-negara Asia Tenggara yang lain seperti Indonesia dan Singapura.

3.2 Model Kajian

3.2.1 Model Pengetahuan Isi Kandungan

Model ini menerangkan tiga komponen utama yang menjadi sebahagian daripada personaliti guru sebagai guru terlatih daripada aspek pengetahuan, ketrampilan, pedagogi dan kadungan mata pelajaran (Shullman, 1986; Shullman, 1986) Menurut Spencer (1993), pengetahuan merupakan information and learning resting in person) . Ini menunjukkan bahawa pengetahuan itu merujuk kepada tahap keilmuan guru untuk menerapkan bagaimana kesenian mengajar dan aplikasi cara mengajar dalam menyampaikan bahan pelajaran kepada murid-murid. Guru

Sejarah hendaklah berpengetahuan luas tentang segala aspek Sejarah dan pensejarahan untuk memberikan interpretasi sejarah yang tepat dan benar kepada murid-murid dan memperkayakan maklumat mereka dengan huraian dan penceritaan yang menarik (Abdul Rahim Abdul Rashid, 2000; Hazri Jamil, 2003; Martin Hunt, 2007; Ian Davis, 2011 dan Mohd Fauzi Ali, 2017). Segala fakta hendaklah diperjelaskan berdasarkan kronologi supaya udah difahami dan dapat mendorong rasa ingi tahu mereka tentang peristiwa sejarah dunia dan sejarah negara (Sam Wineburg, 2001).

3.3 Pengetahuan guru terhadap pengetahuan isi kandungan dan amalan empati Sejarah dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

3.3.1 Pengetahuan guru

Kajian M.Kaviza (2019) telah mendapati wujud saling kaitan antara kompetensi guru sejarah dengan penggunaan sumber sejarah dan penerapan kemahiran pemikiran sejarah dalam pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran sejarah. Dalam pada itu, hasil dapatan ini adalah selaras dengan dapatan kajian Patterson et.al (2012) iaitu guru-guru sejarah dapat mereka bentuk strategi P&P dengan menggunakan sumber sejarah yang melibatkan proses kognitif aras rendah sahaja. Walau bagaimanapun, penggunaan sumber sejarah juga dapat menjana kemahiran kognitif aras tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa kompetensi guru dalam melaksanakan kaedah P&P yang berasaskan penggunaan sumber sejarah amat penting. Seterusnya, dapatan kajian ini juga selaras dengan pendapat Izhah Ismail dan Muhamad Zaid Ismail (2018) mendapati bahawa penerapan KPS mempunyai hubungan dengan amalan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah. Oleh itu, untuk menerapkan kemahiran pemikiran sejarah dalam pengajaran dan pembelajaran, guru-guru sejarah perlulah meningkatkan kompetensi dalam mempelbagaikan strategi dan kaedah P&P (Nursyazwani Abdul Talib, Kamarulzaman Abdul Ghani, Nur Azuki Yusoff & Mohd Mahzan Awang, 2016).

Di samping itu, Mohd Fauzi Ali (2017) dalam Kompetensi Profesional Guru-Guru Sejarah Sekolah Menengah telah mendapati bahawa guru-guru sejarah perlu meningkatkan pengetahuan serta menggunakan kepelbagaian sumber dalam pengajaran. Pendapat ini selari dengan Wiersma (2008), Ahmad Rafeai (2010) dan Ahamad Rahim (2012) iaitu hampir keseluruhan guru-guru Sejarah mengamalkan pendekatan tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan kaedah pengajaran berpusatkan guru dan bergantung kepada buku teks sebagai sumber fakta dan bahan utama pengajaran (Barton & levstik, 2004). Justeru, satu kajian perlulah dijalankan bagi menjelaskan sumbangan kompetensi guru terhadap amalan kemahiran pemikiran sejarah kerana dengan penerapan kemahiran pemikiran sejarah ini akan dapat memperkembangkan kemahiran kognitif aras tinggi dan aras rendah dalam kalangan pelajar.

3.3.2 Pengajaran dan pembelajaran Sejarah

Borko & Putnam (1996) dalam konteks kompetensi pendidikan, perkara paling utama ialah seorang guru itu harus memiliki kemahiran mengajar dan memahami ciri-ciri am pedagogi (ilmu mengajar) dengan cara itu barulah seseorang guru mempunyai keyakinan untuk berhadapan dengan murid serta dapat mengendalikan tugas dan proses pembelajaran dengan lebih

memuaskan. Maka, guru-guru mestilah diberikan latihan untuk memperkembangkan daya kreativiti pengajaran kemudian sentiasa membuat refleksi mempertingkatkan mutu pengajaran lebih berkesan untuk membentuk murid yang aktif dalam proses pembelajaran.

Hasil kajian, Nokes & Jeffrey (2015) mendapati bahawa pemahaman yang mendalam bukan sekadar melibatkan fakta dan konsep sebaliknya melibatkan juga asas keilmuan sejarah dan berupaya berfikir daripada sudut sejarah. Sebagai kesannya, langkah guru bukan sahaja menyampaikan fakta tetapi guru akan berbincang dengan pelajar mengenai bahan pelajaran daripada pelbagai perspektif yang sesuai berdasarkan tahap pemikiran pelajar malahan guru sebagai pemudah cara, membuat demonstrasi kemudian membimbing pelajar melalui pengelolaan aktiviti yang bermakna dan kondusif.

Dalam kajian lepas Borko & Putnam (1996) dan Nokes & Jeffrey (2015) telah mengkaji aspek kemahiran pedagogi yang harus dimiliki oleh seorang guru bagi mengendalikan aktiviti dalam bilik darjah, tetapi tiada satu kajian dibuat berkaitan sumbangan kompetensi guru kepada amalan penerapan unsur empati dan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan pelajar bagi menjelaskan mengapa aspek sumbangan kompetensi perlu dikaji. Bagi menjawab persoalan ini maka satu kajian dijalankan bagi menjelaskan sumbangan kompetensi guru terutama kepada amalan unsur empati dan kps dalam kalangan pelajar kerana dengan membuat kajian ini membimbing pelajar melalui pengelolaan aktiviti yang lebih mencabar.

Begitu juga dalam kajian Abdul Razaq Ahmad et. al (2012) telah menunjukkan bahawa implementasi pengajaran bergantung sepenuhnya kepada kepakaran dan ketrampilan guru dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik sehingga menghasilkan pengajaran berkesan. Malahan, Khoo Kay Kim iaitu seorang tokoh Sejarah tanah air pernah memberikan pendapat dalam Berita Minggu bertarikh 26 Mac 1995, bahawa kelonggaran dan kerapuhan metodologi dan gaya pengajaran guru telah menyebabkan pelajar kurang berminat terhadap proses pembelajaran. Oleh yang demikian, penekanan pembelajaran Abad ke- 21 khususnya dalam memupuk etika dan kerohanian dalam diri setiap pelajar adalah sangat perlu. Ini bagi melahirkan pelajar yang berani mendepani cabaran yang ditempuhi dan menyelesaikan konflik secara damai, bijaksana dalam membuat keputusan dan berpegang kepada prinsip walaupun ketika berada dalam situasi yang kritikal serta berani melakukan sesuatu yang betul (Ab Halim Tamuri, 2017).

Selanjutnya, menurut Ahmad Rafai Ayuddin (2010) Ahamad Rahim (2012) Ahmad Ali Seman (2013) bahawa guru-guru sejarah masih menggunakan buku teks sebagai bahan utama dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Hal ini telah melahirkan perasaan bosan dalam kalangan pelajar semasa mempelajari sejarah. Bertitik tolak daripada keadaan inilah telah menyebabkan para pelajar tidak berasa ragu-ragu untuk menyingkir mata pelajaran ini sekiranya terdapat mata pelajaran lain memenuhi syarat peperiksaan (Rohana Zubir, 1987). Ramli Ismail, 2012; Anuar Ahmad & Nelson Jingga, 2015; Mohd Fauzi Ali, 2017 telah mendapati bahawa guru sejarah yang kompeten merupakan guru cekap . Seterusnya, pendapat ini disokong oleh Turner Bisset (2010) dan Mohd Mahzan et.al (2014) melahirkan guru sejarah yang cekap hendaklah menguasai pengetahuan subjek sejarah seperti pengetahuan sintaksis, pengetahuan substantif, mengetahui untuk mengendalikan sumber dan bergantung semata-mata dengan teks buku. Dengan pengetahuan substantif ini guru sejarah akan berupaya untuk menyampaikan konsep sejarah seperti nasionalisme, imperialisme, real politik dengan tepat dan jelas.

Di samping itu, kajian-kajian lalu menunjukkan bahawa guru-guru sejarah masih lagi menggunakan buku teks sebagai bahan utama ketika melaksanakan aktiviti pengajaran dalam kelas (Ahmad Rafai Ayuddin, 2011; Ahamad Rahim, 2012; Ahmad Ali Seman, 2013 & Mohd Fauzi Ali, 2017). Dengan bergantung semata-mata kepada buku teks semata-mata hanya menimbulkan kebosanan dalam kalangan pelajar semasa belajar. Justeru, keadaan ini telah menyebabkan ada dalam kalangan pelajar sanggup menyingkirkan mata pelajaran sejarah kalau tidak sebagai syarat peperiksaan SPM (Rohana Zubir, 1987).

Selanjutnya, dapatan kajian di atas mempunyai perkaitan dengan Laporan Eksekutif Jemaah Nazir Persekutuan (2011, 2012 & 2013) bahawa pemerhatian dan pemantauan yang dilakukan oleh Jemaah Nazir Sejarah ke atas guru-guru sejarah di kawasan-kawasan yang terlibat. Sehubungan itu, laporan kajian ke atas guru-guru sejarah telah menunjukkan bahawa dalam aspek pengajaran dan pembelajaran, elemen pemikiran sejarah tidak disampaikan kepada para pelajar. Selain itu, unsur seperti kronologi, empati, imaginasi, interpretasi di dalam bilik darjah. Menurut Syakila Yaacob (2015), elemen penguasaan yang perlu dimiliki oleh guru sejarah untuk menghasilkan suasana pembelajaran yang seronok, menarik dan bermakna.

3.3.3 *Empati Sejarah*

Pada penghujung tahun 1960-an dan awal tahun 1970-an telah memperlihatkan satu perubahan dalam PdP sejarah yang lebih menumpu kepada elemen pemikiran dan pemahaman murid atau pemahamannya peringkat kedua sehingga lahir konsep sejarah baharu iaitu pemahaman yang mendalam tentang peristiwa dan tindakan seseorang tokoh sejarah dan merupakan satu keperluan dalam mata pelajaran Sejarah dan empati sejarah (Portal, 1987; Shemilt, 1987). Daripada kenyataan ini, mengingati fakta adalah penting untuk pelajar memahami maksud sesuatu konteks sejarah yang membolehkan mereka memberikan pelbagai pendapat, pandangan, tafsiran dan alasan terhadap peristiwa dan tindakan tokoh.

Selain daripada negara Britain, empati juga turut dijadikan sebagai aspek penting di dalam pendidikan sejarah di negara Australia dan Kanada. Menurut Clark (2008) dalam bukunya yang bertajuk *A Comparative History Teaching in Australia and Canada* telah membuat perbandingan mengenai amalan empati sejarah dalam kalangan pelajar di negara Australia dan juga Kanada. Dalam kajian ini Clark telah berpendapat bahawa terdapat persamaan yang ketara mengenai hasil pelaksanaan empati sejarah dalam Pendidikan Sejarah.

Contohnya di Kanada, mata pelajaran sejarah juga dianggap sangat membosankan. Kenyataan ini diperolehi daripada hasil kajian yang dilakukan oleh badan-badan bertauliah di negara Kanada yang menyatakan bahawa golongan muda semakin kurang meminati sejarah negara mereka sendiri (D. Baryant dan C. Penney, 2006). Malahan, ahli-ahli akademik di Kanada juga dengan lantang telah mengkritik pengajaran sejarah yang dianggap sebagai "*overly content, driven and generally uninspiring*".

Hasil kajian yang dilakukan di Kanada ini adalah sama seperti di negara Australia iaitu proses pengajaran dan pembelajaran sejarah dianggap sangat membosankan dan sering berulang (Clark, 2008). Daripada satu kaji selidik yang dijalankan di Australia telah menunjukkan bahawa pembelajaran sejarah yang mereka ikuti sejak pada umur 9 tahun akan diulang semula ketika mereka berumur 11 tahun. Malahan, para pelajar di Australia juga dikategorikan sebagai antara pelajar yang kurang berpengetahuan tentang sejarah. Hal ini dapat dilihat melalui kata-kata daripada John Howard ketika berucap di *Australia Day*. Dalam ucapannya, Howard telah

menekankan kepada keperluan pendidikan sejarah dan mengangkat sejarah sebagai subjek teras di semua sekolah di Australia.

Manakala, di New Zealand pula pendekatan sejarah dengan menggunakan empati sejarah telah dilaksanakan oleh Martyn Davidson (2014) dalam tulisannya bertajuk *Developing Historical Empathy Pathway With New Zealand Secondary Students*. Penyelidikan oleh Davidson ini menggunakan kaedah kualitatif dan sesuatu yang menarik dalam penyelidikan ini ialah respon pelajar mengenai empati sejarah telah divisualkan dan diinterpretasikan melalui penulisan semula dan lukisan. Berdasarkan penyelidikan ini dapatlah dinyatakan bahawa empati sejarah di New Zealand dianggap berjaya apabila para pelajarnya tahu bagaimana untuk menzahirkan semula kefahaman mengikuti pengajaran dan pembelajaran sejarah. Daripada kajian ini membuktikan bahawa pelajar di New Zealand mampu merasai empati sejarah.

Levtik (1995), telah menjalankan kajian empati dalam kalangan remaja daripada pelbagai etnik di New Zealand. Pada awal kajiannya, beliau mendapati majoriti remaja tersebut kurang berempati dengan peristiwa dan tokoh sejarah tempatan tetapi mereka memandang tinggi kepada masyarakat di negara maju terutama Amerika Syarikat. Hasil kajian Levitik, gejala tersebut berlaku kerana kurangnya pengetahuan mereka tentang sejarah tempatan. Kemudian pada tahun 2001, Levitik merumuskan bahawa pengetahuan dan penguasaan tentang sejarah negara amat mempengaruhi empati sejarah seseorang pelajar. Dengan kata lain, empati sejarah yang rendah ternyata memberikan kesan kepada semangat patriotisme.

Kemudian di Amerika Syarikat, Pate (1999) mengkaji empati sejarah di kalangan murid Gred 5 dengan pendekatan PDP yang berpusatkan murid. Mereka diminta untuk melaksanakan tugas menganalisis dokumen sejarah dan diberikan peluang untuk menemu bual tokoh sejarah. Pate telah mendapati kebolehan murid-murid itu adalah sangat rendah. Walau bagaimanapun, penggunaan bahan sejarah menerusi tugas tersebut mampu menimbulkan minat yang tinggi bagi memperolehi maklumat, sekali gus menjadi bahan bantu mengajar yang Berjaya menghidupkan suasana pembelajaran yang berkesan

Perbincangan ini juga menunjukkan bahawa, walaupun ramai penyelidik sejarah mengakui bahawa empati sejarah mempunyai peranan penting dalam pendidikan sejarah (Gard & Lee, 1978; Ashby & Lee, 1987; Portal, 1987; Booth, 1987; Shemilt, 1987; Downey, 1995; Yeager & Foster, 1996; Vansledright, 1997; Pate, 1999; Lee & Ashby, 2001; Siti Hawa Abdullah & Aini Hassan, 2007). Ahmad Ali Seman (2011) mengakui bahawa dengan mempelajari sejarah bukan sekadar mengetahui sejarah tetapi penghayatan seperti merasai, mengamati, mendekati, menyertai, menganalisis dan merujuk perlu wujud dalam jiwa pelajar dan guru. Justeru itu, aspek keupayaan dan kecekapan harus dimiliki oleh mereka untuk menghidupkan mata pelajaran sejarah yang sering dianggap sebagai mengkaji masa lalu (Ahamat Adam, 2015). Ini bersesuaian dengan pandangan Shullman (1986) bahawa guru yang profesional dan cekap bukan sahaja perlu menguasai pengetahuan isi kandungan atau subject matter knowledge. Dalam kajian Aini Hassan(1988) dan Turnet Bisset (2001) menyatakan bahawa pengetahuan tersebut dikenali sebagai pengetahuan substantif atau pengetahuan teras. Nordiana Hamzah & Norazimah Zakaria (2018) telah membuat kajian tentang empati berkaitan tentang refleksi pelajar terhadap P&P dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Daripada hasil kajian mendapati bahawa pelajar mempunyai persepsi yang positif dalam membina hubungan dengan guru serta dalam melihat dan menganalisis sesuatu isu seperti kajian (Goroshit & Hen, 2016; Bouton, 2016; Lisset & Mesa, 2018).

Walaupun banyak kajian tentang empati dijalankan pada peringkat antarabangsa, tetapi hanya beberapa kajian dilakukan di Malaysia (Siti Hawa Abdullah, 2008; 2011; 2019 & Aini Hassan, 2007; 2008), bagaimanapun konsep ini diberikan penekanan dalam kurikulum sejarah sekolah menengah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000; 2003a; t.th.).

Dalam kajian Siti Hawa Abdullah (2008) iaitu mengenai konsep empati terhadap seorang guru yang mengajar sejarah selama 20 tahun. Kajian ini, menjelaskan tentang kepentingan empati dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah seperti dalam dokumen kurikulum sejarah yang digunakan di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa empati sejarah adalah unsur penting dalam pemahaman dan pemikiran sejarah. Dalam kajian ini Siti Hawa juga meminta agar Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil usaha untuk melatih guru-guru menerapkan empati dalam kalangan pelajar.

4. Rumusan dan Cadangan

Keberkesanan kompetensi pengetahuan pedagogi ke atas amalan empati Sejarah dalam kalangan pelajar sekolah menengah iaitu guru Sejarah perlu mempunyai kompetensi pengetahuan pedagogi seperti melengkapkan diri dengan pelbagai pengetahuan yang berkaitan dengan pedagogi mengajar. Dalam konteks pengajaran, setiap guru Sejarah perlu memahami dan menguasai pelbagai kemahiran mengajar pembelajaran abad 21 seperti kaedah, pendekatan, dan strategi mengajar antaranya pendekatan masteri. Selain itu, pengetahuan guru dalam melaksanakan aktiviti berfikir dapat menyumbang kepada perubahan pendekatan serta kaedah pengajaran guru dalam bilik darjah berdasarkan aspek kurikulum, pedagogi dan juga pentaksiran. Kepelbagaian teknik guru dalam mencipta idea baharu, melaksana dan berkomunikasi dengan murid secara berkesan dengan aspek pemikiran kreatif sangat penting dalam proses pengajaran. Oleh itu, guru perlu bersedia untuk menguasai ilmu pembelajaran abad ke-21 dengan suasana norma baharu.

Rujukan

- Abdul Razaq Ahmad. (2010). The Acquisition Of conceptual understanding of historical thinking in the context of multi ethnic in Malaysia. *International Journal of history education*. Vol.xi, no.2. December. Bandung.
- Abdul Razaq Ahmad & Isjoni. (2009). *Strategi & model pembelajaran sejarah*. Pekan Baru. Riau, Cendikia Insani Pekanbaru. Universiti Kebangsaan Malaysia & Universitas Riau.
- Abdul Razaq Ahmad & Ahmad Razaai Ayudin. (2011). Sumbangan kualiti pengajaran guru dalam membentuk orientasi belajar sejarah di Malaysia. Fakulti Pendidikan. Bangi.
- Abdul Razaq Ahmad, Ahamad Rahim, Ahmad Ali Seman. (2013). Active learning through history subject to wards racial unity in Malaysia. *The Social Science* 8(1) 19-24, 2013.
- Ahmad Ali Seman, Abdul Razaq Ahmad. (2010). The effectiveness of teaching and learning history based on multicultural towards national integration in Malaysia. *Science Direct Procedia Computer Science* 3 (2011): 1588-1596.
- Ahamad Razaai Ayudin. (2010). Penilaian keberkesanan pengajaran sejarah terhadap pencapaian matlamat pembelajaran, kesediaan belajar, kefahaman konsep dan pemikiran sejarah. Tesis doktor falsafah tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Aini Hassan. (1996). A study of Malaysian history teachers subject matter and pedagogical content knowledge. Tesis Ed. Tidak diterbitkan. Monash University . Australia.
- Aini Hassan. (1998). Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah di sekolah. Guru sebagai broker ilmu sejarah, Jilid 21, Masalah Pendidikan. Universiti Malaysia.
- Aini Hassan. (2008). Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah di sekolah. Guru sebagai broker ilmu sejarah, Jilid 21, Masalah Pendidikan. Universiti Malaya.
- Aini Hassan & Siti Hawa. (2008). Sejarah Perkembangan Kurikulum Sejarah di Malaysia dalam Nik Azis Nik Pa & Noraini Idris. *Pengalaman 50 tahun merdeka: Perjuangan memperkasakan pendidikan di Malaysia*. Utusan Publication. Kuala Lumpur: 425-443
- American Historical Association. (2011). Statement on standard of profesional conduct. Washington DC. P 3-15.
- Anuar Ahmad, Nelson Jingga. (2015). Pengaruh kompetensi kemahiran guru dalam pengajaran terhadap pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran sejarah. *Jurnal Kurikulum & pengajaran*. Asia Pasifik. April 2015. Bil 3. Isu 2.
- Anuar Ahmad, Siti Haishah Abdul Rahman & Nur Atqah T. Abdullah. (2009). Tahap Keupayaan Pengajaran Guru Sejarah dan Hubungannya dengan Pencapaian Murid di Sekolah Berprestasi Rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 34(1): 53-66
- Ashby, R. & Lee, P. (1987). *Children's conception of empathy and understanding in history*. The Falmer Press. London.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP). (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP)*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan dasar. (2013). *Perangkaan Tahunan guru-guru sejarah di sekolah menengah seluruh Malaysia hingga 2013*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Baharuddin. (2006). Pelaksanaan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam pengajaran guru-guru sejarah: satu kajian kes di daerah Hilir Perak. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Blake, D. W. (1981). Observing Children Learning History. *British Journal of Educational Studies*.
- Borko, H., & Putnam, R. T. (1995). Expanding a teacher's knowledge base; A cognitive psychological perspective on professional development. Dalam T. R. Guskey & M. Huberman (Eds.), *Professional development in education* (p 35-65). New York: Teachers College Press.
- Borko, H., & Putnam, R. T. (1996). Learning to teach. Dlm Berliner & Calfee (pnyt.). *handbook of Educational Psychology*. hlm.673-708. San Diego: Academic Press.
- Boyatzis, R.E. (1982). *The Competent Manager: A Model For Effective Performace*, John Dewey, new York.
- Bouton B, (2016). *Empathy Research and Teacher Preparation: Benefits and Obstacles*, 25(1978),16-25.
- Creswell, J.W. (2014). *Educational Research. Planning. Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (4th Edition). United States of America: Pearson New International Edition.
- Downey, M. T. (1995). *Perspective taking and historical thinking : Doing history in a fifth grade classroom*. Paperwork at the Annual Meeting of the American Educational Research Association. San Francisco.

- Franzese P.A. (2017). *The Power of Empathy in the Classroom*. " Seton Hall Law Review: Vol.47: Iss.3, Article 2.
- Hoffman, T. (1999). *The Meaning of Competency*. Vol.23.No.6. Pp 275-286.
- Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah. (2000). Pusat Perkembangan Kurikulum. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ibrahim Mohd Zin. (2011). Standard Guru Malaysia: Tahap Kompetensi guru di Malaysia. Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Guru 2011. Transformasi Profesionalisme keguruan menjana kualiti guru. Anjuran Bahagian Pendidikan Guru & Institut Pendidikan Guru. Kementerian Pendidikan Malaysia. Resort Alor Gajah Melaka.
- Ilhanie Abdul Ghani Azmi. (2008). Amalan pengurusan sumber manusia. Berteraskan kompetensi dan kualiti perkhidmatan dalam organisasi awam di Malaysia: Tesis Phd. Universiti Sains Malaysia.
- Jemaah Nazir Persekutuan. (2004). *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Sekolah: Instrumen Pemastian Standard*. Edisi Disember 2004. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jemaah Nazir Persekutuan. (2010). Laporan Peringkat Kebangsaan. Pemeriksaan Mata Pelajaran Sejarah. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jemaah Nazir Persekutuan. (2011). Laporan Peringkat Kebangsaan. Pemeriksaan Mata Pelajaran Sejarah. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jemaah Nazir Persekutuan. (2012). Laporan Peringkat Kebangsaan. Pemeriksaan Mata Pelajaran Sejarah. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kauchak, D. and Eggen , P.D. (1989). *Learning and teaching: research-based methods*. Boston: Allyn and Bacon.
- Kaviza, M. (2019). Hubungan Kompetensi Guru Sejarah Dalam Penggunaan Sumber Sejarah dan Penerapan kemahiran Pemikiran Sejarah. *Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol.16.No.1(1-13).
- Kaviza, M. (2018). Pengalaman Mengajar atau Latihan Profesional Guru dalam Mempengaruhi Penerapan Kemahiran Pemikiran Sejarah Dalam Mata pelajaran Sejarah di Sekolah Menengah. *EDUCATUM: Journal of Social Sciences*, 4(1), 40-47.
- Khairunnajwa Shamsuddin. (2017). *Amalan Nilai Empati Sejarah Di Sekolah Menengah*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah KBSM. Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lailatul Badriyah, Zubaidah, Nelly Marhayati. (2019). EMPATI GURU DALAM PROSES BELAJAR MENGAJAR. Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Bengkulu.
- Laporan Status Mata Pelajaran Sejarah, (2010). Kuala Lumpur: Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan.
- Laporan Status Mata Pelajaran Sejarah, (2011). Kuala Lumpur: Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan.
- Laporan Status Mata Pelajaran Sejarah, (2012). Kuala Lumpur: Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia, (2018). *Laporan Analisis Keputusan Peperiksaan SPM Tahun 2013-2017*. Kuala Lumpur. Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Lembaga Peperiksaan Malaysia, (2019). *Laporan Analisis Keputusan Peperiksaan SPM Tahun 2013-2017*. Kuala Lumpur. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lee, P. & Ashby, R. (2001). Empathy, perspective taking, and rational understanding. Dlm. Davvis, O.L., Yeager, E. A. & Foster, S.J. (pnyt). *Historical empathy and perspective taking in the social studies*.hlm, 21-50, USA: Rowman and Littlefield.
- L. Shullman. (1987). 'Knowledge and Teaching: foundations of the New Reform,' *Harvard Educational Review* 57, no. 1 (1987): 1-22.
- Mohd Fauzi Ali. (2017). Kompetensi Profesional Guru-Guru Sejarah Sekolah Memengah di Malaysia. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nokes, Jeffrey, D. (2015). Building student historical literacies, learning to read and reason with historical texts and evidence. Routledge. New York and London: 5-20.
- National Curriculum Board. (2009). Shape of the Australia Curriculum: History, Commonwealth of Australia.
- Nordiana Hamzah.(2016). Empati Pendidik guru dalam pendidikan mengalami menghayati Kesusasteraan Melayu. *Jurnal IPDA*, 106-112.
- Portal, C. (1987). Emphaty as an objektive for history in secondary schools. The Historical Associatons London.
- Rennuka Ramakrishnan, Norizan & Siti Hawa Abdullah. (2014). *Kesan Penggunaan Sumber Sejarah Digital Terhadap Kemahiran Pemikiran Sejarah*. 23nd International Conference of Historians Of Asia 201 (IAHA 2014), 23-27 Ogos 2014, Alor Setar, Kedah. Malaysia.
- Saedah Siraj & Mohamed Sani Ibrahim. (2012). Standard Kompetensi Guru Malaysia Guru Malaysia. Paper Presented at Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2012 (SCOPUS-Cited Publication) Johor Bahru.
- Siti Hawa Abdullah & Aini Hassan. (2007). Empati Sejarah Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan* , Jil 22, 61-71.
- Siti Hawa Abdullah & Aini Hassan. (2008). Empati Sejarah Murid Tingkatan Dua. *Jurnal Pendidikan* , 28(1).
- Siti Hawa Abdullah. (2019). PENDIDIKAN SEJARAH Pemikiran, Pemahaman dan Empati. Universiti Sains Malaysia.
- Siti Rahayah Arifin. (2006). Overview Penilaian Tahap Kompetensi. Bahagian Pembangunan Kompetensi: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Standard Guru Malaysia. (2008). Bahagian Pendidikan Guru. Kementerian Pelajaran Malaysia.